

06 SEP 2002

Rafidah-Senarai

WANITA UMNO SEMAK SENARAI DAFTAR PEMILIH SEJAK TAHUN LALU

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Wanita Umno telah menjalankan kerja mengumpul maklumat terkini mengenai senarai nama pengundi sejak tahun lepas, kata Ketuanya Datuk Seri Rafidah Aziz.

"Wanita Umno telah lama menjalankan kerja untuk kumpul maklumat terkini mengenai senarai pengundi... kita telah membuat CD Rom dan hard copy yang diedar pada semua bahagian (Umno).

"Maklumat tersebut mengandungi senarai pengundi, nombor kad pengenalan. Senarai itu juga mengandungi senarai pengundi di sesuatu kawasan dan nama pengundi yang telah dipotong," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pesta Konvokesyen ke-26 Universiti Putra Malaysia.

Rafidah mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lepas yang mengarahkan semua pemimpin Umno terutamanya ketua cawangan menyemak senarai daftar pemilih di kawasan masing-masing bagi memastikan nama pengundi tidak dipindah ke kawasan lain atau wujudnya pengundi hantu.

Dr Mahathir berkata arahan itu adalah bagi memastikan kehadiran 'pengundi hantu' atau 'pengundi import' tidak berulang seperti yang berlaku pada pilihan raya kecil bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit dan kawasan Parlimen Pendang di Kedah baru-baru ini.

Rafidah, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan industri, berkata berdasarkan senarai nama pengundi yang telah diwartakan sehingga Februari 2000, pihaknya telah mengesan kira-kira 700,000 nama pengundi yang telah dipotong daripada senarai Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) itu.

"Dalam 700,000 yang dipotong itu, 500,000 nama pengundi yang telah dipotong menimbulkan keraguan... golongan inilah yang merisaukan kita," katanya.

Bagaimanapun Rafidah mengakui masih terdapat kelemahan dalam Umno bagi menyediakan senarai daftar pemilih kerana tidak semua cawangan benar-benar aktif membuat semakan semula senarai itu.

Katanya beliau telah meminta wanita Barisan Nasional (BN) khususnya wanita Umno dan Puteri untuk menjadi bahagian utama jentera BN dalam menangani kepincangan dalam senarai daftar pemilih.

Katanya walaupun proses tersebut rumit, senarai nama pengundi yang bersih akan diperolehi jika sebahagian besar daripada masalah itu dapat diselesaikan.

"(Ini adalah) supaya orang yang telah terkeluar atau dikeluarkan atau dipindahkan, kalau kita kenal hendaklah dimasukkan balik, mana yang tidak layak mengundi di situ hendaklah dikeluarkan dan letak di tempat asal," katanya.

Katanya hasil penelitian yang dilakukan oleh jentera Umno itu seterusnya akan dirujuk kepada SPR untuk tindakan lanjut.

-- BERNAMA

SNS AHH NMO